

ULASAN BUKU

Judul : Mohammad Natsir Pendidik Ummah
Pengarang : Gamal Abdul Nasir Zakaria
Penerbit : Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
Tahun Terbit : 2003 Jumlah halaman: 140

Pemberian gelar "Pendidik Ummah" kepada Allahyarham Mohammad Natsir memang tepat seperti mana yang menjadi tajuk buku yang diberikan ulasannya sekarang. Buku ini merupakan sebuah adaptasi serta pengubahsuaian bagi tujuan penerbitan dengan judul sekarang daripada teks asal yang merupakan sebuah disertasi di peringkat doktor falsafah penulis ini. Sebagai sebuah hasil kajian ilmiah, buku ini menyediakan senarai rujukan yang agak lengkap terutama dalam bahasa Arab, Inggeris dan Melayu mengenai pendidikan Islam. Cuma atas perkiraan buku ini ditujukan kepada pembaca umum maka istilah-istilah Arab ditulis menurut kaedah Dewan Bahasa dan Pustaka, tidak mengekalkan bentuk transliterasi seperti yang terdapat pada kebiasaan tulisan-tulisan ilmiah.

Bab Pendahuluan memberikan pengenalan tentang ketokohan Mohammad Natsir sebagai seorang negarawan, ahli politik, pendakwah, pendidik dan pemimpin ummah di abad ke-20. Namun antara gelar-gelar yang disebutkan itu penonjolan dalam buku ini ialah sebagai pendidik dan pemimpin ummah. Berbekalkan dengan keyakinan bahawa transformasi umat hanya dapat dilakukan menerusi program tarbiyah (pendidikan) dan dakwah (penyebaran ajaran Islam) kepada umat seluruhnya, beliau istiqamah dalam melaksanakan projek ini sehinggalah ke akhir hayatnya. Atas keikhlasan serta kejelasan misi dan visi beliau, umat di peringkat setempat dan juga di peringkat antarabangsa telah memberi kepercayaan kepada beliau mengetuai dan juga menganggotai berbagai badan pertubuhan penting serta terhormat seperti yang disenaraikan dalam halaman 13-14. Namun antara beberapa jawatan yang tersenarai itu, peranan beliau sebagai pemimpin Dewan Dakwah Islamiah sejak penubuhannya pada 1967 ini adalah amat bermakna sekali. Beberapa hal yang turut diberi fokus dalam bab ini antaranya usaha membudayakan kebebasan berfikir, menyuburkan kegiatan intelektual di kalangan umat serta memperkenalkan konsep pendidikan Islam yang bersepadu. Natijah daripada konsep bersepadu ini, maka diperkenalkan mata-pelajaran akademik seperti Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains di samping yang sedia ada, Bahasa Arab dan mata-pelajaran agama di beberapa pesantren. Idea mengenai konsep pendidikan Islam sepadu ini telah pun

diperkenalkan Mohammad Natsir pada tahun 1934, jauh mendahului tarikh persidangan Pendidikan Islam di Makkah pada tahun 1977. Pengiktirafan terhadap jasa beliau oleh dunia antarabangsa termasuklah anugerah International Faisal Arab Saudi, Universiti Kebangsaan Malaysia dan beberapa lagi (halaman 24) adalah berdasarkan sumbangan beliau dalam aspek pendidikan.

Dalam Bab Riwayat Hidup Muhammad Natsir, penulis memaparkan tempat kelahiran iaitu di tanah Minangkabau dan seterusnya menyenaraikan nama-nama tokoh ilmuwan besar yang mengongsi tempat kelahiran yang sama seperti Mohammad Hatta, Haji Agus Salim, Hamka, Syeikh Tahir Jalaluddin dan banyak lagi (halaman 26). Lahir dari keluarga yang sederhana yang kuat beragama memulakan pendidikan awalnya di kampung halaman, kemudian ke pendidikan formal sekolah Belanda Rendah (1916-23) dan Menengah (1923-27) dan seterusnya menyambung pelajarannya di peringkat tinggi di Almgemene Middlebare School (AMS) di Bandung, Jawa Barat dalam bidang kesusasteraan klasik Barat antara tahun 1927-30. Apa yang menarik pada Mohammad Natsir ialah usaha mempersiapkan dirinya dengan ilmu-ilmu agama Islam, penguasaan al-Qur'an dan Bahasa Arab ialah secara tidak formal, menghadiri pengajian di sebelah petang di madrasah-madrasah. Kesempatannya mempelajari kesusasteraan barat, menguasai bahasa-bahasa seperti Belanda, Latin, Jerman dan Perancis membolehkan Mohammad Natsir membuat kritikan terhadap falsafah Barat. Beliau meluahkan fikirannya menerusi penulisan rencana dalam bahasa-bahasa tersebut. Bagi Mohammad Natsir beliau mengakui ada tiga orang guru yang amat berjasa dalam membentuk sahsiah dirinya serta mempengaruhi perkembangan kematangan pemikirannya. Tiga orang itu ustaz Ahmad Hassan (1887-1958) seorang tokoh ulama dari Bandung. Selain daripada ilmu Islam yang mendalam, ustaz Ahmad Hassan banyak mengajar beliau kemahiran dalam berdebat dan berdialog. Yang kedua ialah Haji Agus Salim (1884-1954) seorang diplomat dan ilmuwan yang menguasai tujuh bahasa asing juga dianggap oleh Mohammad Natsir sebagai orang yang banyak membantunya dari segi kemahiran berfikir dan berhujah. Yang ketiga ialah Syeikh Ahmad Surkati, seorang berketurunan Arab yang memimpin sebuah pertubuhan agama bernama al-Irsyad. Melalui gurunya ini Mohammad Natsir mendapat banyak pengetahuan tentang pemikiran Muhammad Abduh dan Rasyid Ridha khususnya dalam perkara tajdid dan ijtihad.

Bab ketiga buku ini memperuntukkan tajuk mengenai Perjuangan Mohammad Natsir dalam bidang pendidikan. Beberapa perkara yang menjadi tema perbincangan dalam bab ini yang menurut penulis amat

pokok antaranya ialah keyakinan Mohammad Natsir mengenai peranan pendidikan sebagai satu-satunya jalan yang menjamin masa depan umat. Bagi Mohammad Natsir dalam isu pendidikan ini bukanlah sangat soal konseptual, kerana soal ini sudah jelas tetapi apa yang menjadi lebih penting ialah soal perlaksanaannya. Justeru dengan sokongan dan dukungan guru beliau Mohammad Natsir sendiri mendirikan sekolah untuk membolehkan beliau melaksanakan konsep pendidikan sepadu dengan menyediakan kurikulum yang seimbang antara ilmu-ilmu agama dengan ilmu moden yang sekian lama menjadi idamannya. Sebagai satu gagasan baru apatah lagi kewujudannya di tengah-tengah arus yang amat berlawanan dengan aspirasi Islam, tentulah usaha sebegini tidak mudah. Ini dapat digambarkan di peringkat awal pembukaan sekolah yang mempunyai hanya lima orang murid. Demikian pulalah persediaan fisikalnya amat sederhana. Walaun pun tidak diceritakan oleh penulis secara terperinci beberapa peristiwa pahit yang dilalui bagi menjayakan sekolah ini (yang semestinya ada beberapa), namun pengkisahan tentang kesukaran mencari guru wanita untuk mengajar amatlah menarik perhatian. Diceritakan akhirnya ada seorang aktivis dari Pertubuhan Jong Islamiten Bond (JIB) bernama Nur Nahar menawarkan diri secara sukarela, dan kemudiannya sukarelawan ini menjadi isteri Mohammad Natsir (halaman 45), Aspek yang tidak kurang pentingnya ialah pembinaan kurikulum yang memadukan aspek-aspek kemahiran hafalan dengan kaedah diskusi dan perbicangan khususnya di peringkat sekolah menengah dan latihan perguruan. Malah dimasukkan juga matapelajaran muzik dan nyanyian pelajar diiringi dengan piano (halaman 47).

Berkat kegigihan serta keikhlasan Mohammad Natsir dalam membangun sistem persekolahan swasta Islam ini hanya dalam kurang satu dekad sambutan umat amatlah menggalakkan. Satu Laporan Pendidikan (1938) menyebut terdapat kira-kira 2 000 sehingga 2 500 buah sekolah dengan jumlah murid antara 100 000 hingga 500 000 orang. (halaman 49). Aspek pendidikan guru juga diberi perhatian berat kerana ia merupakan nadi kepada penerusan sistem persekolahan yang semakin mendapat sambutan. Mohammad Natsir mempelawa semua yang terlibat dalam institusi pendidikan Islam, kaum gurunya agar membentuk sebuah wadah bagi menjaga kepentingan dan keprofesionalan guru yang kemudian dikenali dengan PERMUSI (Perikatan Perguruan-perguruan Muslim) pada tahun 1938 (halaman 51).

Semangat Mohammad Natsir dalam usaha memajukan pendidikan Islam tidak pernah luntur sehinggalah ke akhir hayatnya. Satu hal yang seharusnya disebut ialah pada tahun 1980, sebagai menyahut konvensi

pendidikan Islam pertama Persidangan Makkah pada 1977. Mohammad Natsir membawa tokoh-tokoh pendidik dari serata dunia datang ke Jakarta bagi merangka strategi memastikan pendidikan Islam terpelihara. Beliau sempat memberi pesan kepada generasi kemudiannya dengan pesanan agar umat Islam memelihara institusi agama yang mereka miliki seperti masjid, pesantren dan kampus (halaman 52).

Pemikiran Mohammad Natsir mengenai konsep pendidikan dibahas dalam Bab keempat. Dalam bab ini penulis cuba membandingkan pemikiran dua tokoh klasik ulung mengenai pendidikan iaitu Imam al-Ghazali dan Ibn Khaldun. Dengan mengambil Tawhid sebagai asas pendidikan seluruh kurikulum yang digubal di semua peringkat persekolahan merupakan terjemahan serta aplikasi daripada konsep Tawhid ini. Menurut Mohammad Natsir inilah satu-satunya jalan ke arah pembinaan kesempurnaan peribadi manusia yang merangkumi aspek jasmani dan rohani. Justeru inilah juga yang menjadi matlamat pendidikan yang sekali gus meletakkan Islam sebagai agama Tarbiyyah (halaman 62). Model yang diperkenalkan oleh Mammad Natsir dalam penggubalan kurikulum berasaskan kepada pembahagian ilmu menurutnya kepada dua kelompok: (i) *al-dinniyyah* dan (ii) *al-'ammah*. Semua mata pelajaran yang disebut sebagai mata pelajaran agama seperti *ulim al-qur'an*, fiqh, tawhid, bahasa Arab dan seumpamanya tergolong dalam kelompok pertama dan semua mata pelajaran yang disebut sebagai akademik berada dalam kelompok kedua. Dan ilmu kategori 'ammah ini dibahagi lagi kepada dua: bersifat teori, seperti ekonomi, politik, sains sosial dan yang bersifat amali seperti perubatan, kejuruteraan, sains dan teknologi. Skema yang diperkenalkan Muhammad Natsir tidak jauh berbeza daripada apa yang pernah dikemukakan oleh Imam al-Ghazali yang membahagikan ilmu kepada dua jenis: *'aqliyyah* dan *syar'iyah*. Demikian juga dengan pandangan Ibn Khaldun yang membahagikan ilmu kepada dua juga iaitu *naqliy* dan *'aqliy* dan kemudian membahagikan pula ilmu *'aqliy* kepada yang bersifat teori dan *tatbiqiy* (applied).

Di samping mengemukakan huraian-huraian epistemologi berkait dengan falsafah pendidikan tokoh pendidik silam penulis berhasil menonjolkan ketokohan Mohammad Natsir dalam membuahkan beberapa persoalan pokok berkait dengan ilmu pendidikan. Satu daripadanya ialah menjadikan bahasa Arab sebagai prasyarat kepada penguasaan ilmu Islam. Dalam hal ini sekaligus Mohammad Natsir menyangkal keras pandangan Dr. G. Drewes, seorang orientalis Belanda yang menghujah umat Indonesia mesti menguasai bahasa Belanda jika mereka mahu maju (halaman 108). Hujah Mohammad Natsir ialah bahasa Arab bukan bahasa asing bagi umat

Indonesia kerana ia sudah sebarati dengan bahasa Melayu (bahasa Nusantara, *tambahan pengulas*) justeru kecemerlangan ilmu amat berkait dengan penguasaan bahasa Arab (halaman 112). Beliau amat menyanjung tinggi para pelajarnya yang dapat menguasai Bahasa Arab. Usaha Mohammad Natsir telah secara tidak langsung mengubah persepsi masyarakat terhadap sekolah-sekolah pondok pesantren, kerana selama ini ia dianggap hanya mengajarkan ilmu-ilmu agama sahaja. Di antara beberapa pesantren terulung yang menerima perubahan ini ialah Manba' 'Ulum, Tebu Ireng dan Gontor (halaman 119). Seperkara lagi yang merupakan sumbangan pemikiran berharga dari beliau ialah usaha gigih beliau menyuburkan budaya berfikir di kalangan pelajarnya. Dalam huraian ilmiahnya di bawah tajuk "Islam Memimpin akal merdeka" meletakkan perimeter perimbangan yang cukup jelas di antara kebebasan berfikir yang boleh membawa kepada ateisme dengan keadaan terperangkap dalam taqlid buta. Beliau menyarankan dengan panduan al-Qur'an dan al-Sunnah seharusnya para pelajar dapat menjana akal fikiran mereka secara ilmiah dengan selamat agar bertindak balas secara positif dan bijak dalam lapangan kehidupan (halaman 108), sesuai dengan matlamat kurikulum yang menggabungkan ilmu-ilmu agama dengan ilmu-ilmu aqliyy.

Bab kelima yang memperuntukkan bahagian kesimpulan buku ini, didapati tidak ada perkara baru yang dibincangkan, cuma penulis sekadar mengulang serta merumus apa yang telah dibincangkan dalam bab-bab terdahulu. Namun demikian perlu disebut juga dalam penampilan ketokohan Mohammad Natsir di bidang pendidikan, hasil pemikiran beliau mengenai konsep, falsafah serta isu-isu penting yang berkait, penulis menyenaraikan hasil karya Mohammad Natsir, antaranya "Konsep Ilmu" (1938), "Pendidikan Sepadu" (1938), Bahasa Arab sebagai Bahasa Kebudayaan (1940), " Kebebasan Berfikir: Tradisi dan Disiplin" (1940) (halaman 123). Seimbang lalu dalam konteks kita di Malaysia apa yang kita saksikan isu-isu pendidikan yang telah kita mulakan perbahasannya hanya bermula di sekitar penghujung 1970an dan hanya mula menampakkan hasilnya di awal tahun-tahun 1980an sedangkan isu ini telah pun dipelopori oleh Mohammad Natsir dan pendukung-pendukungnya di Indonesia kira-kira 40 tahun yang lalu. Gelaran Mohammad Natsir sebagai "Pembawa Hati Nurani Umat", "Pendidik dan Pemandu Umat" yang dianugerah oleh umat Indonesia memang tepat sekali.

Secara keseluruhan buku ini cukup berharga buat semua golongan khususnya bagi sesiapa yang mahu mencari ciri-ciri role-model kepimpinan umat yang diperlukan di abad-abad mendatang. Ketokohan

Mohammad Natsir di dunia pendidikan Islam sukar ditandingi, justeru buku ini cukup bermanfaat ditelaah oleh setiap pendidik yang menginginkan panduan kerangka pemikiran bahkan juga aspek-aspek praktikalnya. Namun sebagai cetakan pertama buku ini tidaklah sunyi daripada kesilapan teknikal khususnya yang berkait dengan aspek penyuntingan seperti yang terdapat di halaman 70, para 2, transliterasi ke Latin ayat al-Qur'an), ejaan istilah "pantheism" di halaman 102, kesilapan fakta : Ibn Tufail (bukan Ibn Sina) yang mengarang Hay bin Yaqazan (halaman 106). Kekurangan lain yang terdapat ialah tiada penjelasan kepada teori Leibniz mengenai Harmonia Praestabilia (halaman 101), menyebabkan pembaca umum berada dalam kegelapan. Antara lain yang dapat disediakan bagi mempertingkatkan mutu ilmiah buku ini ialah dengan menyediakan glosari kerana kewujudannya banyak membantu pembaca terutamanya apabila banyak istilah falsafah, dan bahasa Arab digunakan. Namun begitu kecacatan sedikit yang terdapat pada buku ini tidak langsung menjejaskan mutu keilmiahannya dan kita mengucapkan tahniah kepada penulis dan penerbitnya.

Ghazali Basri.



Kolej Dar al-Hikmah

Kolej kami menawarkan pengajian peringkat **DIPLOMA/SIJIL** secara modular untuk semua pelajar lepasan **SPM/SPMV/SMA/STPM/STA** dan setaraf dengannya.

PROGRAM YANG DITAWARKAN

- √ Diploma Perakaunan
 - √ Diploma Psikologi
 - √ Diploma Pengajian Syariah
 - √ Diploma Kaunseling *
 - √ Diploma Pengajian Islam *
 - √ Diploma in *Business Management and Muamalat* *
 - √ Diploma in *Business Information Technology* *
 - √ Diploma in *Islamic Finance* *
- * Tertakluk kepada kelulusan LAN dan JPS

PELUANG LEPASAN KOLEJ INI

- √ Melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana Muda di IAIN Pekan Baru, Indonesia, terus ke tahun 2 (Diiktiraf oleh kerajaan Malaysia)
- √ Layak pindah kredit untuk Diploma Lanjutan di KUSZA - Pengajian Syariah dan Usuluddin
- √ Layak pindah kredit untuk Ijazah Sarjana Muda di Kolej Universiti Teknologi dan Pengurusan Malaysia (KUTPM)
- √ Layak melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana Muda di universiti-universiti tempatan dan luar negara tertakluk kepada CGPA

BANTUAN PEMBIAYAAN

- √ Pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bagi yang layak
- √ Pembiayaan Pendidikan Koperasi Belia Islam Malaysia (KBI)
- √ Pinjaman Bank Rakyat
- √ Bantuan kewangan dari Majlis Agama Islam Negeri

CARA MEMOHON

Borang permohonan boleh didapati di KDH dengan bayaran RM10.00 atau dengan menghantar sampul surat saiz A4 beralamat sendiri dan bersetem RM1.00 beserta wang pos RM10.00 atas nama **KOLEJ DAR AL-HIKMAH** kepada :

KOLEJ DAR AL-HIKMAH
Kompleks Dar al-Hikmah, Sungai Ramal Dalam,
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi :

Talian Terus : 03-8925 2392, 8926 8921 (Pn. Azanah / Pn. Maznah)
No. Fax : 03-8925 2477
Laman Web : www.hikmah.net.my
Email : info@hikmah.net.my / darulhikmah@hotmail.com

